

Najib hargai Muhyiddin tadbir negara dengan baik
The Malaysian Insider
09 November , 2011

SEPANG, 9 Nov – Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hari ini melahirkan penghargaan ke atas timbalannya Tan Sri Muhyiddin Yassin kerana telah menjalankan pentadbiran dengan begitu baik sepanjang beliau tiada di dalam negara.

“Terima kasih juga yang hadir sambut ketibaan saya dan isteri serta rombongan. Alhamdulillah, kami telah selesai melakukan ibadah haji dan mudah-mudahan Allah akan menerima ibadah dan menerimanya sebagai haji mabrur.

“Maka dengan ini, kita akan meneruskan perjuangan kita dengan semangat dan kekuatan serta keimanan untuk memastikan matlamat dan cita-cita kita akan tercapai,” katanya dalam ucapannya sebaik tiba dari tanah suci di Kompleks Bunga Raya KLIA di sini petang ini.

Najib dan rombongan yang termasuk isteri beliau Datin Seri Rosmah Mansor dan bondanya, Tun Rahah Mohamad Noah, tiba dengan pesawat khas pada 3.25 petang, lapor Bernama Online.

Muhyiddin yang juga Timbalan Presiden Umno dan isterinya Puan Sri Noorainee Abdul Rahman hadir menyambut kepulangan Najib dan rombongan.

Ketika ketiadaan Najib, Muhyiddin antara lain mempengerusikan mesyuarat minggu Kabinet minggu lalu, yang membuat keputusan susulan yang penting mengenai dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) yang dimansuhkan.

Dalam ucapannya Najib juga berkata Malaysia telah diberi penghormatan luar biasa oleh kerajaan Arab Saudi ketika beliau berada di negara berkenaan bagi menunaikan ibadah haji.

Perdana Menteri berkata tidak pernah dalam sejarah, Malaysia diberi penghargaan apabila Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom diberi penghormatan untuk memberikan ucapan dalam bahasa Arab di Istana Mina dan mendapat pujian yang tinggi oleh semua yang hadir.

“Saya juga telah berkesempatan bercakap menerusi telefon dengan Raja Abdullah (Raja Arab Saudi) yang berada di Riyadh selama 25 minit, dan baginda telah memberikan sokongan sepenuhnya kepada kepimpinan kita di Malaysia.

“Malam tadi, saya merupakan ketua kerajaan yang pertama dapat berjumpa dengan Putera Mahkota yang baru, Putera Naif dalam satu pertemuan yang berlangsung selama sejam setengah.

“Ini menunjukkan bahawa kerajaan Arab Saudi khususnya Raja Abdullah yang merupakan ‘Custodian of the holy mosque’ (pengawas Masjidil Haram) dan seluruh kepimpinan Islam kerajaan Arab Saudi memandang tinggi kepada Malaysia dan kerajaan kita,” katanya.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-hargai-muhyiddin-tadbir-negara-dengan-baik/>